



**SIARAN MEDIA**  
**ARAHAH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**  
**13 HINGGA 26 JANUARI 2021**

**“PENIAGA DAN PENGUNJUNG DI PREMIS PERNIAGAAN AKUR PEMATUHAN  
SOP PKP 2.0”**

1. Pada pemantauan dan pemeriksaan premis perniagaan yang dijalankan masuk hari kelapan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), MPS telah memberi fokus kepada pematuhan SOP oleh peniaga dan juga pengunjung di pasar-pasar awam serta kedai-kedai dan kiosk di dalam pasaraya di Selayang. Pemantauan ini telah diketuai oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan dan Pengarah Jabatan Perlesenan.
2. Hasil daripada tinjauan didapati, kebanyakan premis akur terhadap pematuhan SOP yang telah ditetapkan dengan menyediakan kod imbas QR, pengimbas suhu, ‘hand sanitizer’, kawalan pengunjung dan juga mengamalkan penjarakan sosial 1 meter dalam menjalankan aktiviti perniagaan. Walaubagaimanapun, terdapat segelintir peniaga yang masih beroperasi meskipun aktiviti perniagaan tersebut bukan keperluan dan MPS telahpun memberi arahan untuk menghentikan aktiviti berkenaan. Secara keseluruhan, keadaan di seluruh premis yang dilawat periksa didapati terkawal dan pengunjung mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.
3. Untuk makluman juga, daripada hari pertama hingga hari kelapan PKP dilaksanakan, MPS telah membuat pemeriksaan ke atas 263 premis termasuk penjaja dan mengeluarkan 21 kompaun terhadap pelbagai kesalahan termasuklah tidak memiliki lesen perniagaan, menimbulkan halangan di kaki lima, kacau ganggu dan lain-lain lagi. Dua tindakan sitaan barang niaga tanpa kebenaran turut dikenakan dan 6 notis arahan untuk menghentikan aktiviti turut dikeluarkan sepanjang tempoh tersebut.
4. MPS akan terus melakukan pemantauan untuk memastikan setiap peraturan dan arahan sepanjang tempoh PKP dipatuhi. MPS juga ingin mengingatkan kepada semua pengunjung dan para peniaga agar terus memberi kerjasama dan membantu usaha kerajaan dalam mengekang penularan wabak Covid-19 yang sedang melanda negara.
5. Untuk sebarang pertanyaan ataupun aduan, orang ramai boleh menghubungi talian 03-6126 5800 atau layari [www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my). Orang ramai juga boleh merujuk laman sosial MPS untuk sebarang pengumuman terkini berkaitan MPS.

**Dikeluarkan Oleh:**

**En. Mohamad Zin bin Masoad A.M.S**

**Pengarah**

**Jabatan Korporat**

**B.P Yang Dipertua**

**Majlis Perbandaran Selayang**

**20 Januari 2021**